

CNS3782

U SB 08-06 00169 BA708

bah

Mahathir - Sukan (Bergambar)

MAHATHIR: IMEJ JUARA KAMPUNG AHLI SUKAN PERLU DIKIKIS

BANGI, 8 Jun (Bernama) -- Imej "juara kampung" ahli sukan negara perlu dikikis dan digantikan dengan semangat untuk menjadi "juara dunia", kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, jika ahli sukan negara hanya mampu menang apabila bertanding di tempat sendiri dan kalah di luar negara, ini akan menjadi bahan ejekan pihak luar.

Beliau berkata, walaupun ahli sukan negara mempunyai kekuatan fizikal tetapi mereka masih bergantung kepada sokongan rakyat tempatan untuk mendapat semangat bagi memenangi sesuatu pertandingan.

Perdana Menteri berkata demikian di Institut Latihan Sultan Ahmad Shah di sini semasa memberi amanat kepada anggota kontinjen Malaysia ke Sukan SEA ke 17 di Singapura. Beliau kemudiannya menyerahkan bendera Malaysia kepada ketua kontinjen, Datuk Khalid Yunus.

Dr Mahathir berkata selain daripada kekuatan fizikal, ahli sukan negara juga perlu mempunyai kekuatan rohani dan disiplin diri untuk mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa. -- Lagi

▼08/06/17-47MST

CNS3809

U GB 08-06 00141 BA711

bah

Mahathir - Sukan 2 Bandi

Perdana Menteri berkata mereka juga perlu bertekad untuk "hari ini (menjadi) juara negara, esok juara rantau dan lusa juara dunia".

Katanya setiap atlit mesti mempunyai cita-cita untuk menjadi juara dunia dan berusaha ke arah itu mulai sekarang.

"Matlamat itu boleh dicapai jika ahli sukan negara mempunyai disiplin diri yang kuat, mampu menguasai akal fikiran dan tubuh badan dan tidak sekali-kali membenarkan diri kita lemah dengan perasaan takut yang kita akan kalah," katanya.

Dr Mahathir berkata ahli sukan negara juga tidak sepatutnya bergantung kepada semangat dari luar, iaitu sokongan yang diberikan oleh para penyokong, tetapi perlu mempunyai semangat dalam diri untuk menang.

"Kalau kita mengharapkan semangat penyokong untuk melemahkan semangat lawan, yang menang bukanlah pemain tetapi penyokong yang memberikan sokongan itu," katanya. -- Lagi

▼08/06/17-57MST  
CNS3853  
U GB 08-06 00158 BA715  
bah

Mahathir - Sukan 3 (Akhir) Bangi

Dr Mahathir berkata, ahli sukan juga perlu mempunyai disiplin diri selain daripada mempunyai "disiplin mengikut arahan" daripada pihak tertentu dan bergerak sebagai satu pasukan.

Ini perlu bagi memastikan ahli sukan dapat memberikan pencapaian yang maksimum dalam sesuatu pertandingan, katanya.

Beliau juga mengingatkan anggota kontinjen Sukan SEA Malaysia tentang tanggungjawab mereka menaikkan nama negara dalam setiap bidang yang mereka sertai.

"Walaupun ini satu permainan tetapi nama negara sedang dipertaruhkan," katanya.

Perdana Menteri juga mengucapkan tahniah kepada atlit yang sanggup menialani latihan di pusat itu, yang bermakna mereka kini sedar bahawa kejayaan di dalam sesuatu pertandingan tidak hanya bergantung kepada kekuatan fizikal tetapi juga semangat perjuang dan kekuatan kerohanian.

Beliau turut menyampaikan sumbangan kerajaan sebanyak RM500,000 kepada Presiden Mailis Olimpik Malaysia Tan Sri Hamzah Abu Samah bagi membiayai perbelanjaan kontinjen Malaysia semasa di Singapura. -- Bernama.

HK AR MIB

▼08/06/18-22MST